



JABATAN PERDANA MENTERI,
MALAYSIA,
JALAN DATO' ONN,
50502 KUALA LUMPUR

Telefon: 2301957

KAWAT: PERDANA

Ruj. Kami: PM.10034
Jld.IV/(46)

Tarikh: 1 Okt. ,1986.

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan.

Ketua-Ketua Badan Berkanun/Kuasa Tempatan.

SURAT PEKELILING AM BIL. 3 TAHUN 1986

Keselamatan Jalan Raya

1. TUJUAN

1.1. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menggalakkan semua pegawai Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan dalam Kumpulan 'A', melaporkan kesalahan-kesalahan dan tingkahlaku pemandu yang menyalahi undang-undang dan peraturan lalulintas di jalan raya.

1.2. Cara melaporkan kesalahan-kesalahan pemandu di jalan raya kepada pihak berkuasa adalah dipermudahkan supaya tindakan susulan yang segera dapat diambil.

2. LATARBELAKANG

2.1. Pihak Kerajaan mengambil perhatian yang berat terhadap kemalangan jalan raya di negara ini yang mana kadarnya adalah antara yang tertinggi di dunia. Umpamanya pada tahun 1984, kadar kemalangan jalan raya yang membawa maut ialah 9.4 kematian bagi tiap-tiap 10,000 kenderaan setahun atau 26.4 kematian bagi tiap-tiap 100,000 penduduk setahun. Bahkan jumlahnya adalah meningkat dari setahun ke setahun.

2.2. Mulai tahun ini Kerajaan telah menambah usaha untuk mengurangkan jumlah kemalangan jalan raya, bukan sahaja melalui tindakan penguatkuasaan oleh agensi-agensi penguatkuasanya seperti Jabatan Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan, tetapi juga menerusi kempen-kempen keselamatan jalan raya oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya di peringkat nasional dan di peringkat negeri. Selanjutnya syor Majlis Keselamatan Jalan Raya supaya tindakan-tindakan sivik daripada orang ramai terutamanya pegawai-pegawai Kerajaan digalak dan dipergiatkan telah diterima oleh Kerajaan. Adalah diharapkan dengan ini pemandu akan sedar betapa pentingnya mereka mematuhi peraturan jalan raya dan memandu dengan lebih bersopan dan cermat.

3. CARA-CARA MEMBUAT LAPORAN

3.1. Sebarang laporan mengenai kesalahan lalulintas jalan bolehlah dibuat dengan menggunakan borang LAPORAN KESALAHAN LALULINTAS JALAN seperti yang dilampirkan. Borang-borang yang

2. LATARBELAKANG

2.1. Pihak Kerajaan mengambil perhatian yang berat terhadap kemalangan jalan raya di negara ini yang mana kadarnya adalah antara yang tertinggi di dunia. Umpamanya pada tahun 1984, kadar kemalangan jalan raya yang membawa maut ialah 9.4 kematian bagi tiap-tiap 10,000 kenderaan setahun atau 26.4 kematian bagi tiap-tiap 100,000 penduduk setahun. Bahkan jumlahnya adalah meningkat dari setahun ke setahun.

2.2. Mulai tahun ini Kerajaan telah menambah usaha untuk mengurangkan jumlah kemalangan jalan raya, bukan sahaja melalui tindakan penguatkuasaan oleh agensi-agensi penguatkuasanya seperti Jabatan Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan, tetapi juga menerusi kempen-kempen keselamatan jalan raya oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya di peringkat nasional dan di peringkat negeri. Selanjutnya syor Majlis Keselamatan Jalan Raya supaya tindakan-tindakan sivik daripada orang ramai terutamanya pegawai-pegawai Kerajaan digalak dan dipergiatkan telah diterima oleh Kerajaan. Adalah diharapkan dengan ini pemandu akan sedar betapa pentingnya mereka mematuhi peraturan jalan raya dan memandu dengan lebih bersopan dan cermat.

3. CARA-CARA MEMBUAT LAPORAN

3.1. Sebarang laporan mengenai kesalahan lalulintas jalan bolehlah dibuat dengan menggunakan borang LAPORAN KESALAHAN LALULINTAS JALAN seperti yang dilampirkan. Borang-borang yang

telah diisi hendaklah dikirimkan kepada:-

Urusetia,
Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia,
d/a Kementerian Pengangkutan,
Wisma Perdana,
Jalan Dungun,
Damansara Height,
50616 KUALA LUMPUR.

3.2. Borang-borang Laporan Kesalahan Lalulintas Jalan akan disediakan dan diedarkan oleh Urusetia Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia kepada semua Kementerian, Jabatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan. Ketua-ketua Jabatan adalah bertanggungjawab mengedarkan borang-borang tersebut kepada Pegawai-pegawai dalam Kumpulan 'A'.

4. PENUTUP

4.1. Dengan ini adalah diharapkan tujuan Kerajaan untuk mengurangkan kemalangan di jalan raya akan mendatangkan hasil yang menggalakkan.

4.2. Jika sekiranya timbul masalah dalam pelaksanaan Pekeliling ini, pertanyaan hendaklah dikemukakan kepada:-

Setiausaha Agong,
Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia,
Kementerian Pengangkutan,
Tingkat 6, Wisma Perdana,
Jalan Dungun, Damansara Height,
50616 KUALA LUMPUR.

Telefon : 2548122

4.3. Dengan ini Surat Pekeliling Am No. 11 Tahun 1966
adalah dibatalkan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI DATO' SALLEHUDDIN BIN MOHAMED)
Ketua Setiausaha Negara.

s.k.

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.

LAPORAN KESALAHAN LALULINTAS JALAN

Untuk Kegunaan Pejabat

Pengaduan No.

Balai Polis/Jabatan Pengangkutan Jalan

Tarikh dan Masa Aduan Diterima

Nama Pengadu K.P. No.

Umur *Jawatan/Pekerjaan

Alamat Pengadu:

(a) Rumah Telefon No.

(b) Pejabat Telefon No.

PENGADUAN

Pada hb., 19 lebih kurang pada pukul

*pagi/petang, semasa saya berada di Jalan

..... saya dapati sebuah *motosikal/kereta/lori/

bas/taksi dengan No. Pendaftaran..... Model.....

berwarna..... telah melakukan kesalahan-kesalahan berikut:

1.
2.
3.

Tarikh

.....
Tandatangan Pengadu

* Potong yang mana tidak berkenaan.

SENARAI KESALAHAN LALULINTAS JALAN YANG LAZIM DILAKUKAN

Meletak kenderaan sehingga menghalang lalulintas.

Seksyen 41 OLJ 49/58.

Melanggar lampu isyarat/tidak berhenti di isyarat "Berhenti, Awas, Jalan".

Seksyen 66 (2) OLJ 19/58.

Meletak kenderaan yang menyalahi papan tanda lalulintas.

Seksyen 66 (2) OLJ 49/58.

Memotong kenderaan dari sebelah kiri.

K. 5 KLJ 166/59.

Tidak membenarkan kenderaannya dipotong oleh kenderaan lain.

K. 6 (2) KLJ 166/59.

Memotong kenderaan lain dengan cara yang berbahaya.

K. 6 (1) KLJ 166/59.

Membuat pusingan balik dalam kawasan had laju.

K. 13 KLJ 166/59.

Meletak kenderaan tidak rapat ke tepi jalan.

K. 16 (2) KLJ 166/59.

Membawa barang-barang di atas kenderaan dengan cara yang berbahaya.

K. 18 KLJ 166/59.

Barang-barang jatuh dari lori.

K. 92 (iii) KLJ 170/59.

Memotong kenderaan di garisan kembar.

K. 12 (3) KLJ 167/59.

Berhenti di petak kuning.

K. 8A KLJ 166/59.

Tidak memberi laluan kepada kereta Polis, Bomba dan Ambulans dalam masa kecemasan.

K. 9 (2) KLJ 166/59.

Tidak mengikut lorong lalulintas.

K. 8 KLJ 166/59.

Lori membiarkan papan sisi/belakang terbuka.

K. 22 KLJ 166/59.

Tidak berhenti di simpang dan tidak memberi laluan kepada kenderaan yang berhak berjalan dahulu.

K. 3 (2) (6) KLJ 166/59.

URUSAN SERI PADUKA BAGINDA

Kpd

URUSETIA,

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA,

D/A KEMENTERIAN PENGANGKUTAN,

TINGKAT 6, WISMA PERDANA,

JALAN DUNGUN,

DAMANSARA HEIGHTS,

50618 KUALA LUMPUR.

L-J.P.N., K.L.

SENARAI KESALAHAN LALULINTAS JALAN YANG LAZIM DILAKUKAN

KESALAHAN & SEKSYEN	PENERANGAN	CONTOH
1. Meletakkan kenderaan sehingga menghalang lalulintas. Seksyen 41 OLJ 49/58	Meletakkan kenderaan dalam keadaan yang mengganggu kelicinan perjalanan kenderaan-kenderaan lain.	Meletakkan kenderaan di tengah-tengah jalan laluan dan di luar petak ruangan letak kereta dan menyebabkan halangan.
2. Melanggar lampu isyarat/tidak berhenti di isyarat "Berhenti, Awas, Jalan". Seksyen 66(2) OLJ 19/58.	Tidak mematuhi lampu isyarat dan juga isyarat "Berhenti Awas, Jalan".	Semasa lampu isyarat bertukar kuning atau merah pemandu masih meneruskan perjalanan tanpa menghiraukan isyarat berkenaan.
3. Meletak kenderaan yang menyalahi papan tanda lalulintas. Seksyen 66(2) 49/58	Meletakkan kenderaan di mana dapat papan tanda "dilarang meletak kereta", "tidak boleh menunggu".	Meletak kereta di tempat larangan.
4. Memotong kenderaan dari sebelah kiri. K. 5 KLJ 166/59	Apabila ada kenderaan dari hala yang sama yang datang dari belakang memotong kenderaan di hadapannya dari sebelah kiri yang sepatutnya dibuat dari sebelah kanan.	Semasa kesesakan lalulintas atau kenderaan berjalan perlahan, kenderaan dari belakang memotong dari sebelah kiri untuk ke hadapan.
5. Tidak membenarkan kenderaannya dipotong oleh kenderaan lain. K. 6 (2) KLJ 166/59	Apabila ada kenderaan di belakang yang hendak memotong, kenderaan di hadapan sengaja memecut atau ketengahkan kenderaannya agar tidak dapat di potong oleh kenderaan yang hendak memotong itu.	-
6. Memotong kenderaan lain dengan cara yang merbahaya. K. 6 (I) KLJ 166/59	Mana-mana kenderaan yang memotong kenderaan di hadapannya dengan cara yang merbahayakan pemandunya dan juga orang lain.	Memotong di selekoh, di kawasan jalan yang sedang dibaiki atau semasa kenderaan yang datang dari arah hadapan sudah sangat hampir.

KESALAHAN & SEKSYEN	PENERANGAN	CONTOH
7. Membuat pusingan balik dalam kawasan had laju. K. 13 KLJ 166/59	Membuat U -turn di dalam kawasan bandar di mana ada had laju.	Membuat U - turn dalam kawasan had laju seperti dalam kawasan bandar.
8. Meletak kenderaan tidak rapat ke tepi jalan. K. 16(2) KLJ 166/59	Kenderaan diletak dalam keadaan tidak selari dengan laluan lalulintas dan tidak rapat ke tepi jalan yang mana boleh menyusahkan pengguna jalan raya yang lain.	Kenderaan diletak dalam keadaan melintang dengan laluan trafik di mana-mana jalan raya tidak rapat ketepi jalan.
9. Membawa barang-barang diatas kenderaan dengan cara yang merbahaya. K. 18 KLJ 166/59	Barang-barang yang dibawa dalam keadaan bahaya sama ada kerana terlalu tinggi, panjang atau tidak selamat yang mana boleh membahayakan pengguna jalan raya lain.	Lori membawa muatan papan dengan banyak dan tidak bertutup atau berikat baik atau keadaan muatan terjulur keluar disebelah tepi kanan dan kiri lori.
10. Barang-barang jatuh dari lori. K. 92(iii) MV (CHJ) Rules 170/59	Barang yang tidak bertutup baik yang menyebabkan ia jatuh dan mengotorkan serta membahayakan pengguna jalan-raya lain.	Batu-batu kecil, kepingan aluminium dan papan jatuh dari lori.
11. Memotong kenderaan di garisan kembar. K. 12 (3) KLJ 167.59	Apabila terdapat dua garisan berkembar tidak putus-putus di tengah-tengah jalan, tiada kenderaan boleh memotong kenderaan lain atau jika satu sahaja yang putus-putus, cuma kenderaan yang melalui disebelah garisan yang putus-putus sahaja boleh memotong kenderaan di hadapannya.	Biasanya terdapat di kawasan-kawasan selekoh jalan merbahaya dan kawasan yang sibuk dengan kenderaan dan orang ramai seperti pekan dan setengah-setengah kampung.

KESALAHAN & SEKSYEN	PENERANGAN	CONTOH
<p>12. Berhenti di petak kuning.</p> <p>K. 8A KLJ 166/59</p>	<p>Tidak dibenarkan mana-mana kenderaan berhenti di dalam petak kuning walaupun lampu isyarat hijau kecuali kenderaan yang hendak membelok ke kanan.</p>	<p>Biasa terdapat di simpang simpang yang sibuk sama ada terdapat lampu isyarat atau tidak.</p>
<p>13. Tidak memberi laluan kepada kereta polis, Bomba dan Ambulans dalam amsa kecemasan.</p> <p>K. 9 (2) KLJ 166/59</p>	<p>Setelah didatangi oleh kereta Polis, Bomba atau Ambulans dari belakang, pemandu kenderaan hadapan tidak ke tepi dan seterusnya berhenti untuk memberi laluan kepada kereta-kereta tersebut.</p>	-
<p>14. Tidak mengikut lorong lalulintas.</p> <p>K. 8 KLJ 166/59</p>	<p>Di mana terdapat simpang empat, tiga atau lorong membelok ke kanan atau ke kiri, kenderaan tidak mengikut lorongnya yang betul sama ada untuk terus atau membelok.</p>	<p>Di simpang-simpang di mana kenderaan yang hendak ke kanan atau ke kiri berada di lorong untuk pergi terus atau yang hendak pergi terus berada di lorong untuk membelok ke kanan atau ke kiri.</p>
<p>5. Lori membiarkan papan sisi belakang terbuka.</p> <p>K. 22 KLJ 166/59.</p>	<p>Lori yang berjalan dengan papan (dinding) sisi/belakang terbuka.</p>	-
<p>16. Tidak berhenti di simpang dan tidak memberi laluan kepada kenderaan yang berhak berjalan dahulu.</p> <p>K. 3 (2) KLJ 166/89.</p>	<p>Kenderaan yang sampai ke bulatan, simpang T/Y tidak berhenti, dan tidak memberi laluan kepada kenderaan yang datang dari sebelah kanan atau yang berhak berjalan terus.</p>	-